

Kadar kemiskinan mutlak dibasmi sepenuhnya 2005

UM 31 OCT 2002

KUALA LUMPUR 30 OKT. — Kerajaan menjangka kadar kemiskinan mutlak dapat dibasmi sepenuhnya pada tahun 2005 berbanding 5.1 peratus pada tahun 2002.

Dari segi pendapatan isi rumah, purata di Malaysia telah meningkat sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM1,098 sebulan pada tahun 1983 kepada RM3,011 sebulan pada tahun lalu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Oleh itu, Kerajaan akan terus melaksanakan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) melalui projek yang dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi.

“Tetapi rakyat sendiri perlu membantu dengan menguasai kecekapan dan ilmu serta sanggup bekerja dengan lebih rajin dan tekun,” kata beliau.

Beliau berkata, antara program yang akan diteruskan ialah Program Pembangunan Bersepadu Desa Terpencil, Program Pembangunan Minda Insan, Program bantuan Perumahan dan Skim ASB-Sejahtera.

Kata Dr. Mahathir, sebuah kajian khas pendapatan isi rumah sedang dijalankan untuk menentukan keadaan kemiskinan sebenar, tahap pendapatan dan kualiti hidup golongan minoriti bumiputra di Sabah dan Sarawak.

“Fasa pertama kajian meliputi sembilan golongan minoriti telah siap dan ia mendapati tahap kemiskinan tertinggi berlaku di kalangan kaum Rungus, Sulu dan Orang Sungei di Sabah dan Penan, Kenyah dan Kajang di Sarawak,” katanya.

Sementara itu, tambah beliau di Semenanjung pula, orang Asli adalah golongan yang termiskin.

Perdana Menteri menegaskan isu ketidakseimbangan pendapatan di antara kumpulan etnik, kumpulan pendapatan, wilayah dan negeri akan terus ditangani.

Berbanding zaman sebelum merdeka, gaji tertinggi pegawai Kerajaan adalah 78 kali ganda dari gaji kakitangan terendah dan sekarang jurang tersebut hanyalah 29 kali ganda.